

KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN CAWANGAN KEDAH GURU KEDAH

Wisma KPPK Kedah, Blok B, No. 161 & 162, Tingkat 1 & 2, Susuran Sultan Abdul Hamid 8, Kompleks Perniagaan Sultan Abdul Hamid Fasa 2, Persiaran Sultan Abdul Hamid, 05050 Alor Setar, Kedah. Tel: 04-771 4001, 04-771 5001, 04-441 4119(SP) Fax: 04-771 8001, 04-441 5118(SP)
Email: kppkedah@streamyx.com   nutpkedah@gmail.com Website: www.nutpkedah.net

UNTUK AHLI KPPK SAHAJA

JAN 2014

NATIONAL UNION OF THE TEACHING PROFESSION KEDAH BRANCH



UCAPAN PENGURUSI KPPK CAWANGAN KEDAH

Assalamualaikum w.b.t., salam 1Malaysia dan salam sejahtera kepada ahli-ahli KPPK cawangan Kedah.

Selamat Tahun Baharu 2014. Bersyukur semua, semoga tahun 2013 yang kita tinggalkan dapat menyelesaikan kerja buat pengurusan cikgu-cikgu yang diamanahkan telah menepati piawai seperti yang dikehendaki oleh pengurus sekolah masing-masing.

Alhamdulillah. Misi JPN Kedah dan aspirasi menggapai Kedah Top 5 tahun 2015 nanti berada di landasan yang betul di mana dashboard di bawah NKRA bagi keputusan UPSR tahun 2013 mengikut GP Negeri menunjukkan pencapaian dan sasaran yang lebih baik. Tahniah kepada semua guru Kedah SK, SJK(C) dan SJK(T) yang telah berjaya membimbing pelajar mencapai kecemerlangan.

Namun KPPK selangkah seiringan bersama-sama JPN Kedah menyokong bagi merealisasikan Kedah Top 5 dan memacu dasar KPM melalui PPPM 2013-2025. Juga diingatkan kepada guru-guru Malaysia khususnya guru Kedah agar aspirasi Sistem Pendidikan Malaysia yang ke-4 harus dimantapkan dan berlaku dalam pendidikan sebagai aset negara maju 2020 berkaitan keberhasilan dan kemenjadian murid. Kaum pendidik adalah penentu kejayaannya sebagai pemangkin selain ibu bapa dan masyarakat persekitarannya.

'Ilmu pengetahuan jika tidak dibajai dengan nilai-nilai murni tidak ada makna dalam melahirkan masyarakat sejahtera'.

Akhir sekali, tahniah kepada cikgu-cikgu yang berjaya bertukar ke sekolah baharu atas permohonan pertukaran. Bersedia dan secepat mungkin dapat menyesuaikan dan mengenali warga di sekolah berkenaan. Cikgu-cikgu yang permohonan pertukarannya tidak diluluskan, tanamkan azam dan terus berkhidmat kepada sekolah yang sedia ada bersama pengurus dengan semangat waja.

Salam 1Malaysia,
Kebajikan Guru Diutamakan.

'Bersatu Kita Berjaya'

Yang Ikhlas,

(SDR. MOHD. FADZIL B. MD. ISA, PCK.)
Pengerusi KPPK Cawangan Kedah.



DARI MEJA SETIAUSAHA KEHORMAT KPPK KEDAH

Salam Sejahtera 1NUTP, Salam Transformasi, Salam 1Malaysia dan Selamat Tahun Baharu 2014.

Tahun 2013 merupakan tempoh perjuangan dan kejayaan yang sangat bermakna bagi NUTP Kedah yang telah berjaya melaksanakan pelbagai aktiviti sosial, lawatan, taklimat, ceramah, seminar, kempen keahlian dan jerayawara (road-show).

Sokongan padu serta semangat perjuangan ahli NUTP, bendera NUTP dikibarkan ditahap yang tertinggi. Tanpa komitmen dan usaha gigih AJK dan ahli NUTP Kedah, keadaan tersebut tidak akan menjadi kenyataan. Kini, keahlian NUTP Kedah telah mencecah 19 ribu orang guru. Peningkatan jumlah keahlian secara mendadak membuktikan NUTP Kedah berada pada landasan yang tepat dan betul.

Pemimpin NUTP di peringkat cawangan, mahupun yang bertugas di Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan atau yang dilantik sebagai guru besar dan pengetua harus membantu ahli-ahli NUTP yang menghadapi masalah dan tidak harus berkelakuan sebagai "little Napoleon". Justeru, sekiranya mereka tersebut melakukan sesuatu yang bertentangan dengan dasar pendidikan, NUTP tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas, termasuk tindakan mahkamah. Sehubungan itu atas aduan dan pandangan NUTP, **Pelaksanaan Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) KPM {Ruj: KP(BPG)8094/700/1/4 (14) }** telah ditangguhkan.

Untuk makluman guru, berikutan pemansuhan PPSMI dan pengenalan inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), Kerajaan telah memutuskan supaya pemberian insentif **BISP diberhentikan mulai 1 Januari 2014 {Ruj: KP(PP)0053/7 Jld.14(30)}** Selanjutnya Kementerian sedang menimbang insentif baharu sebagai pengganti.

Sejak awal lagi NUTP telah bertindak dan menganjurkan perhimpunan raksasa, di mana seramai 4000 orang guru dari seluruh pelusuk negeri telah berkumpul di Dewan CIDB, Cheras, pada 3 November 2012, untuk melahirkan rasa tidak puas hati terhadap sistem PBS kepada YAB TPM merangkap Menteri Pelajaran. Pada 9 November 2013, Exco NUTP telah bersidang sekali lagi dan membuat kenyataan akhbar di Putra Palace, Kangar untuk memansuhkan PBS dan tolak E-Prestasi.

Dengan pelaksanaan **Penambahbaikan Jadual Gaji Minimum-Maksimum Gred 1 Hingga Gred 54 Di Bawah Sistem Saraan Malaysia (Ruj: Pekeliling Perkhidmatan Bil. 36/2013)**, guru harus sedar bahawa dengan penerimaan saraan yang lebih lumayan, prestasi dan produktiviti juga perlu dipertingkatkan dan diharapkan apabila diperkenalkan

Skim Gaji Bersepadu Guru pada Januari 2014, akan dapat mengatasi masalah kenaikan pangkat guru besar, guru Ex-PPPLD serta kerjaya keguruan.

'Bersatu Kita Berjaya'

Yang ikhlas,


 (SDR WANG HENG SUAN, AMK., BKM.)
 Setiausaha Kehormat KPPK Kedah

UCAPAN Tahniah

NUTP Cawangan Kedah ingin mengucapkan tahniah kepada pemimpin-pemimpin NUTP Kedah kerana telah **Menang Tanpa Bertanding** bagi jawatan-jawatan berikut:



Sdr. Wang Heng Suan, AMK., BKM

- Setiausaha Kehormat CUEPACS Bahagian Kedah
- Ahli Majlis Kongres CUEPACS Malaysia



Sdr. Mohd Fadzil bin Md Isa, PCK

- Naib Pengerusi MTUC Bahagian Kedah
- Naib Pengerusi CUEPACS Bahagian Kedah



Sdri. Ng Ai Cheing, PJK

- AJK CUEPACS Bahagian Kedah



Sdri. Maznah Bt. Che Don

- Juruaudit MTUC Bahagian Kedah



Sdr. Ganesan A/L Appavoo

- Juruaudit CUEPACS Bahagian Kedah



Sdr. Hj Zamri bin Abdul Majid

- Setiausaha Kehormat MTUC Bahagian Kedah



Sdr. Mohd Nor bin Md Daud

- AJK MTUC Bahagian Kedah



Home Page : www.nutpkedah.net
Email: nutpkedah@gmail.com
kppkedah@streamyx.com

(1) dlm.KPPK(KD)/03/02

1 Januari 2014

PENGUMUMAN

Semua Ahli,
KPPK Cawangan Kedah.

Saudara/Saudari,

PERATURAN PENCALONAN

Notis diberi bahawa Mesyuarat Agung Tritahunan Ke 20 KPPK Cawangan Kedah akan diadakan pada 30 Mei 2014 (**Hari Jumaat**). Mesyuarat Agung Tritahunan akan diadakan di **SMK Hutan Kampung, Jalan Hutan Kampung, 05350 Alor Setar, Kedah Darul Aman**. Pencalonan untuk berkhidmat dalam Jawatankuasa KPPK Cawangan Kedah dan Ibu Pejabat dibuka dan pencalonan mesti dibuat dengan menggunakan borang-borang yang dikeluarkan oleh KPPK Cawangan Kedah sahaja.

Borang pencalonan ini mesti ditandatangani oleh seorang pencadang dan seorang penyokong yang merupakan ahli-ahli berhak dan mesti mengandungi izin berlafaz calon yang bertanding itu seperti yang dikehendaki menurut peraturan 31(3) KPPK. Majlis Cawangan berhak menolak sebarang borang pencalonan yang pada pendapat KPPK Cawangan Kedah tidak diisikan dengan sempurna atau dicadang/disokong oleh ahli-ahli yang tidak berhak/bukan ahli.

Borang-borang pencalonan original seperti di atas boleh didapati terus daripada Setiausaha Kehormat KPPK Kedah atas permintaan. Semua borang pencalonan yang disempurnakan mesti sampai ke Pejabat KPPK pada atau sebelum **14 Feb 2014 jam 5.00 petang**. Borang pencalonan yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan. Ahli-ahli dinasihatkan menghantar semua surat mengenai urusan ini dengan **pos berdaftar**.

Usul-usul untuk dibincangkan dalam Mesyuarat Agung Tritahunan juga harus disampaikan kepada Pejabat KPPK Kedah pada atau sebelum **14 Feb 2014 jam 5.00 petang**.

Yang menjalankan tugas,

(SDR WANG HENG SUAN, AMK., BKM.)
Setiausaha Kehormat KPPK Kedah

- s.k. 1. Presiden KPPK SM.
2. Timbalan Presiden KPPK SM.
3. Setiausaha Agung KPPK SM.
4. Pendaftar Kesatuan Sekerja Kedah.
5. Semua Ahli Jawatankuasa KPPK Kedah.

Alamat :
WISMA KPPK KEDAH
Blok B, No. 161 & 162,
Tingkat 1 & 2,
Susunan Sultan Abdul Hamid 8,
Kompleks Perniagaan Sultan
Abdul Hamid Fasa 2,
Persiaran Sultan Abdul Hamid,
05050 Alor Setar, Kedah.
Tel: 04-771 4001 / 04-771 5001
Fax: 04-771 8001

Pusat Perkhidmatan
dan Insurans :
25, Lengkok Cempaka 1,
Bandar Aman Jaya,
08000 Sungai Petani,
Kedah.
Tel : 04-4414119
Fax : 04-4415118



Home Page : www.nutpkedah.net
Email: nutpkedah@gmail.com
kppkedah@streamyx.com

(2) dlm.KPPK(KD)/03/02

1 Januari 2014

Semua Ahli,
KPPK Cawangan Kedah.

Saudara/Saudari,

NOTIS MESYUARAT AGUNG TRITAHUNAN KE 20 KPPK CAWANGAN KEDAH

Dengan ini notis diberi bahawa Mesyuarat Agung Tritahunan Ke 20 KPPK Cawangan Kedah akan diadakan pada **30 Mei 2014 (Hari Jumaat), jam 9.00 pagi** di **SMK Hutan Kampung, Jalan Hutan Kampung, 05350 Alor Setar, Kedah Darul Aman**.

Aturcara Majlis

- 8.00 pagi Pendaftaran
- 8.55 pagi Ketibaan Tetamu Kehormat.
- 9.00 pagi Ucapan Pengerusi KPPK Cawangan Kedah.
- 9.15 pagi Ucapan & Perasmian oleh Tetamu Kehormat.
- 9.30 pagi Jamuan Teh.
- 10.00 pagi Permulaan Mesyuarat Tritahunan Ke 20.

Agenda

1. Perlantikan dua puluh lima orang Pemeriksa Undi.
2. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Ke 19 yang berlangsung di SMK Bt. 8, 08200 Sik, Kedah Darul Aman pada 3 Jun 2011.
3. Perkara-perkara berbangkit.
4. Membentang dan meluluskan Laporan Tritahunan bagi tempoh 1 April 2011 hingga 31 Mac 2014.
5. Membentang dan menerima Laporan Kewangan bagi tempoh 1 April 2011 hingga 31 Mac 2014.
6. Membentang dan menerima Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tempoh 1 April 2014 hingga 31 Mac 2017.
7. Usul-usul. (Jika ada)
8. Pemilihan dua orang Juruaudit Dalam dan tiga orang Pemegang Amanah.
9. Membincangkan serta mengambil keputusan tentang perkara-perkara lain yang telah diberi notis sekurang-kurangnya 7 hari sebelum hari Mesyuarat Agung.
10. Pembayaran saguhati.
11. Pengumuman Keputusan Pemilihan Jawatankuasa Cawangan bagi tempoh 2014/2017.
12. Ucapan penangguhan.

Untuk dan bagi pihak Jawatankuasa KPPK Cawangan Kedah

(SDR WANG HENG SUAN, AMK., BKM.)
Setiausaha Kehormat KPPK Kedah

- s.k. 1. Setiausaha Agung KPPK SM.
2. Semua Ahli Jawatankuasa KPPK Kedah.

Alamat :
WISMA KPPK KEDAH
Blok B, No. 161 & 162,
Tingkat 1 & 2,
Susunan Sultan Abdul Hamid 8,
Kompleks Perniagaan Sultan
Abdul Hamid Fasa 2,
Persiaran Sultan Abdul Hamid,
05050 Alor Setar, Kedah.
Tel: 04-771 4001 / 04-771 5001
Fax: 04-771 8001

Pusat Perkhidmatan
dan Insurans :
25, Lengkok Cempaka 1,
Bandar Aman Jaya,
08000 Sungai Petani,
Kedah.
Tel : 04-4414119
Fax : 04-4415118

Jadual Pembayaran Gaji Bulanan Tahun 2014

Bulan	Tarikh	Catatan
Januari	23 Januari 2014 (Khamis)	Tahun Baru Cina (31 Jan - 1 Feb 2014)
Februari	25 Februari 2014 (Selasa)	
Mac	25 Mac 2014 (Selasa)	
April	24 April 2014 (Khamis)	
Mei	22 Mei 2014 (Khamis)	Pesta Kaamatan (30 - 31 Mei 2014)
Jun	25 Jun 2014 (Rabu)	Hari Gawai (1 - 2 Jun 2014)

Bulan	Tarikh	Catatan
Julai	22 Julai 2014 (Selasa)	Hari Raya Puasa (28 - 29 Julai 2014)
Ogos	25 Ogos 2014 (Isnin)	
September	25 September 2014 (Khamis)	
Oktober	16 Oktober 2014 (Khamis)	Deepavali (23 Oktober 2014)
November	25 November 2014 (Selasa)	
Disember	18 Disember 2014 (Khamis)	Hari Krismas (25 Disember 2014)

Pengumuman Daripada Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (GELM)

GELM telah melantik Asia Assistance Network (M) Sdn Bhd (AAN) sebagai pembekal perkhidmatan baharu (service provider) dan pentadbir pihak ketiga (third party administrator), menggantikan Compumed. Untuk kemasukan hospital atau bantuan lain sila hubungi:

- i) AAN mulai 1 Januari 2014 (**hotline**: 03-7628310 / 03-78415600)
- ii) Kad Kesihatan yang baharu akan dibekalkan kepada pemegang

GELM Panel Hospital (Kedah)

1. Kedah Medical Centre, Alor Setar
2. Metro Specialist Hospital, Sungai Petani

3. Pantai Hospital, Sungai Petani
4. Putra Medical Centre, Alor Setar

SEMINAR PENDIDIKAN BAHASA CINA/TAMIL

Tarikh: 26.4.2013 (Jumaat) Tempat: Hotel Aman Pura, Sungai Petani



SEMINAR PENDIDIKAN KPPK : MELINDUNGI MASA INSTRUKSIONAL

Tarikh: 27.6.2013 (Khamis) Tempat: Hotel Grand Seasons, Kuala Lumpur



MAJLIS PENYAMPAIAN INSENTIF PELAJARAN & TAKLIMAT ISU-ISU SEMASA

Tarikh: 8.6.2013 (Sabtu) Tempat: Pusat Perkhidmatan KPPK Sungai Petani, Kedah



MAJLIS PENYAMPAIAN CEK TABUNG KHAIRAT KEMATIAN

Tarikh: 12.7.2013 (Jumaat) Tempat: Wisma KPPK Alor Setar



MAJLIS SEPETANG BERSAMA DATO' PRESIDEN CUEPACS

Tarikh: 9.11.2013 (Sabtu)

Tempat: Dewan Wisma JKR, Tingkat 12, Bangunan Sultan Abd Halim, Jalan Badlishah, Alor Setar




29th ASEAN COUNCIL OF TEACHERS CONVENTION

Tarikh: 11 - 14.10.2013 Tempat: Palace of the Golden Horses, Kuala Lumpur



ROAD SHOW DI BALING, KEDAH

Tarikh: 21.6.2013 (Jumaat) Tempat: SMK Baling



ROAD SHOW DI PULAU LANGKAWI

Tarikh: 5.7.2013 (Jumaat) Tempat: Hotel Langkasuka, Pulau Langkawi



TRAINING FOR YOUTH TRADE UNIONS LEADERS ON ORGANISING AND COLLECTIVE BARGAINING (ITC - ILO ACTRAV - SNTUC)

Tarikh: 13 - 16.8.2013 Tempat: Singapore



PERSIDANGAN PERWAKILAN TRITAHUNAN MTUC BAHAGIAN NEGERI KEDAH 2013-2016

Tarikh: 6.9.2013 (Jumaat) Tempat: Bilik KPPK, Cawangan Kedah, Alor Setar



PERBINCANGAN KHAS NUTP BERSAMA YB TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA, KSN DAN TAN SRI MOHAMAD ZABIDI BIN ZAINAL, KPPA

Tarikh: 9.10.2013 (Rabu) Tempat: Hotel Pullman, Putrajaya



LAWATAN KE CAMBODIA 5 DAYS 4 NIGHTS

Tarikh: 10 - 14.12.2013 Tempat: Cambodia



Visit Bayon Temple 11.12.2013



**JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
MULAI 1 NOVEMBER 2013**



(RM SEBULAN)

KOD GAJI KOMPUTER SSM	GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM305DG54000	DG54	5,840.00	11,864.00	320.00
SSM305DG52000	DG52	5,538.00	11,194.00	290.00
SSM305DG48000	DG48	4,922.00	10,560.00	270.00
SSM305DG44000	DG44	3,371.00	9,414.00	250.00
SSM305DG41000	DG41	1,917.00	8,652.00	225.00

**JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM BAGI
PERKHIDMATAN PENDIDIKAN KUMPULAN PELAKSANA
MULAI 1 NOVEMBER 2013**

(RM SEBULAN)



KOD GAJI KOMPUTER SSM	GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM305DG38000	DG38	3,457.00	7,051.00	195.00
SSM305DG34000	DG34	3,397.00	5,797.00	165.00
SSM305DG32000	DG32	2,731.00	5,457.00	155.00
SSM305DG29000	DG29	1,589.00	5,137.00	145.00

SIDANG PENGARANG

Penasihat : Sdr. Mohd Fadzil bin Md Isa., PCK.

Ketua Pengarang : Sdr. Wang Heng Suan, AMK., BKM.

AJK : Sdri. Pang Bee Hong, PJK., Sdri. Maznah binti Che Don, Sdri. Ng Ai Cheing., PJK.